



Submission date: 02/07/2019

Accepted date: 12/10/2019

**PENDIDIKAN AL-QURAN BAGI OKU: PENGALAMAN PUSAT
PENYELIDIKAN IBNU UMMI MAKTUM (UMMI)**

*Quranic Education for PwDs: Experience of Ibnu Ummi Maktum Research
Centre (UMMI)*

Siti Rahmah Ahmad Razuan¹, Norakyairee Mohd Raus², Mahyuddin Hashim³,
Mohd Nur Adzam Rasdi⁴, Adnan Mohamed Yusoff⁵, Noornajihan Ja'afar⁶ dan
Nurul Asiah Fasehah Muhamad⁷

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
rahmahrazuan@gmail.com

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
norakyairee@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
mahyuddin@usim.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
nuradzam@usim.edu.my

⁵ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
adnan@usim.edu.my

⁶ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
noornajihan@usim.edu.my

⁷ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Abstrak

Orang Kurang Upaya (OKU) adalah antara golongan yang sering dikaitkan dengan isu dan perbincangan berkaitan keperluan mereka dalam pendidikan, terutamanya dalam aspek berkaitan persoalan *taklif* dalam menerima dan mengamalkan ajaran Islam. Bertitik tolak dari sini, inisiatif untuk menilai semula keperluan spiritual dalam kalangan OKU telah dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) di bawah Institut Sains Islam (ISI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di samping memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap konsep taklif dalam kalangan OKU. Objektif kajian ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman UMMI mengenalpasti isu-isu berkaitan pendidikan al-Quran bagi OKU dan menjelaskan peranan UMMI dalam usaha memperluaskan akses OKU terhadap pendidikan al-Quran disamping menangani isu

tuntutan beragama dikalangan mereka. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menjadikan protokol analisis dokumen dan protokol temu bual untuk mengumpulkan data. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud keperluan yang tinggi terutamanya bagi Universiti Awam (UA) ke arah solidariti dan aksesibiliti OKU untuk menghayati kemukjizatan al-Quran dan konsep indahny hidup beragama. Usaha murni ini jugu dilihat bertepatan dengan hasrat USIM sebagai ‘kampus barakah’ dan pusat rujukan global bagi Integrasi Ilmu Naqli dan ‘Aqli menjelang tahun 2025.

Kata kunci: pendidikan, al-Quran, OKU, UMMI.

Abstract

Persons with Disabilities (PwDs) are among those most commonly associated with issues related to their needs in education, particularly in terms of *taklif* in accepting and practicing Islamic teachings. Thus, the initiative to re-evaluate the spiritual needs among PwDs was conducted by a group of researchers from Ibnu Ummi Maktum Research Centre (UMMI), as well as to provide understanding to the community. The objective of this study is to share the experience of UMMI to identify issues related to the Quranic education for the PwDs and explain the role of UMMI in the effort to expand the access of the PwDs to the Quranic education, while addressing issues of religious obligations among them. This study used qualitative methods by making protocol analysis of documents and interview protocol to collect data. The findings show that there is a high level of need especially for the Public University (UA) towards the solidarity and accessibility for the PwDs to appreciate the virtues of the Quran and the wonderful concept of religious life. This noble effort is also seen coinciding with the USIM's wishes to be 'a blessed campus' and a global reference center for Integration of Naqli and Aqli by 2025.

Keywords: education, Quran, PwDs, UMMI.

PENDAHULUAN

Konsep kemuliaan insan menurut Islam mengatasi semua perbezaan yang berdasarkan kepada kecantikan paras rupa dan kesempurnaan fizikal, ataupun ketinggian pangkat dan kedudukan, mahupun keturunan. Maruah yang dimiliki oleh setiap manusia itu perlu dipelihara dan dihormati oleh semua orang walaupun jika seseorang itu memiliki kekurangan dan ketidaksempurnaan dari segi fizikal atau mental. Hakikat ini bersesuaian dengan pengiktirafan yang Allah SWT anugerahkan terhadap kedudukan manusia sebagaimana firman-Nya:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾
٧٠

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”*.

(QS. Al-Isra’: 70)

Sebagaimana yang diterangkan di dalam Tafsir Ibnu Katsir, di mana Allah SWT juga mengurniakan kepada manusia nikmat pendengaran, penglihatan dan hati yang dengannya kita mampu untuk memahami, mengambil manfaat dan tahu membezakan antara kebaikan dan keburukan dalam urusan agama dan juga duniawi. Walaupun komuniti OKU ini sebagaimana yang didefinisikan mengikut Akta OKU 2008 sebagai *OKU termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat*, namun hikmah dan kebijaksanaan Allah SWT dalam mengurniakan kekuatan dan kelemahan, kelebihan dan kekurangan, kepandaian dan kebodohan; adalah sebahagian dari tanda *qudrah* (Maha Berkuasa) dan *iradah* (Maha Berkehendak) yang mutlak bagi Allah SWT (Adnan et al., 2014). Ianya perlu dilihat dalam bentuk ujian dari-Nya sebagai hujah dan bukti keimanan, ketakwaan dan ketaatan sebenar bagi seorang hamba itu layak mendapat kejayaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat, sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَيفَةَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ﴾
١٦٥

Maksudnya: *“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*.

(QS. Al-An’am: 165)

OKU juga merupakan sebahagian daripada populasi yang membentuk dan mewarnai kehidupan sesebuah masyarakat yang juga membentuk sebuah bangsa, negara dan tamadun. Sikap prihatin, penyertaan dan komitmen dari masyarakat dan negara dalam memuliakan serta menyantuni golongan ini merupakan suatu penanda aras bagi ketinggian nilai budi dan kegemilangan sesebuah tamadun (Adnan, Norakyairee

& Desi Suryani, 2017). Demi memuliakan, menyantuni dan menjamin kesejahteraan golongan ini secara holistik dan menyahut seruan sifat *rahmatan lil‘aalamin* iaitu Islam adalah rahmat bagi sekalian alam (QS. Al Anbiya: 107), perkara ini telah diperlihatkan melalui inisiatif dan pengalaman UMMI dalam menawarkan khidmat pemindahan ilmu agama khususnya pendidikan Quran kepada golongan berkeperluan khusus ini. Sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ۙ ١٧

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”.

(QS al-Qamar: 17,22, 32,40)

Oleh yang demikian, usaha-usaha ini bermula daripada penyelidikan berkaitan kaedah pengajaran Quran Braille di Malaysia bagi penawaran kursus wajib fakulti di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah (QNR3013) pada tahun 2008. Pada pertengahan tahun 2013, para penyelidik FPQS dalam pengkhususan *Special Interest Group* (SIG) ini telah berkolaborasi dengan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) iaitu sebuah *Non-Governmental Organization* (Pertubuhan Bukan Kerajaan) atau NGO Islam yang giat menjalankan usaha dakwah OKU khususnya kepada golongan berkeperluan khas Pendengaran dan Pembelajaran seperti autisme, sindrom down, lembam dan lain-lain.

Seiring dengan peningkatan kehendak program dan aktiviti dari masyarakat serta institusi terlibat, serta keperluan kepada kajian-kajian berkaitan pendidikan Quran dan Sunnah bagi OKU, bermula pada awal tahun 2018 SIG ini telah melalui proses penaiktarafan sebagai sebuah unit dan kemudiannya menjadi sebuah Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) di bawah seliaan Institut Sains Islam (ISI) pada tahun 2019. Penjenamaan UMMI itu sendiri mengambil ilham dari nama seorang sahabat Rasulullah SAW yang cacat penglihatan; Abdullah Ibnu Ummi Maktum yang kisahnya disebut di dalam Surah ‘Abasa. Kini, UMMI giat menjalankan penyelidikan berkaitan pemindahan ilmu pendidikan Quran dan Sunnah bagi OKU dan mewujudkan jaringan pintar bersama beberapa NGO mahupun institusi-institusi yang memperjuangkan hak Pendidikan al-Quran bagi OKU dengan beberapa siri memorandam persefahaman (MoU) yang telah dimeterai.

PERMASALAHAN KAJIAN

John Dewey (1910) dalam bukunya *Bagaimana Kita Berfikir* menyatakan bahawa dalam kaedah saintifik sesuatu penyelidikan itu harus bermula dengan kesusahan, pengalaman atau permasalahan. Hal sedemikian memberi pengaruh yang besar kepada dunia penyelidikan. Walaupun tiada kaedah yang tetap bagi mencari masalah kajian, namun terdapat tiga elemen penting yang dapat digunakan bagi mencapai maksud dan matlamat sesuatu kajian; iaitu berdasarkan pengalaman, teori dan literatur yang berkaitan (Azizi, Shahrin, Jamaluddin, Yusof & Abdul Rahim, 2010). Merujuk semula pada kajian ini, penyelidik menggunakan elemen-elemen tersebut sebagai panduan dalam mengenal pasti isu dan permasalahan yang menjadi penyebab terpinggirnaya hak dan akses OKU terhadap proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan bagaimana cara untuk menangannya.

Secara umumnya, kekurangan dari sudut komunikasi, fasiliti dan kemudahan yang mesra OKU, Bahan Bantu Mengajar (BBM), ketidak sesuaian aras pengajaran dan penilaian terhadap prestasi pembelajaran OKU, kesinambungan pembelajaran di rumah, serta peranan ibu bapa merupakan antara faktor yang menjadi kekangan kepada golongan ini untuk memahami ajaran Islam dengan lebih berkesan (Ahmad Kamel et al., 2008, Noornajihan et al., 2012, dan Norakyairee & Ab. Halim, 2011).

Ditambah pula dengan kurangnya perhatian, pendedahan dan tahap kesedaran yang rendah daripada pelbagai pihak terhadap isu OKU dan agama. Tambahan pula hampir tiada penawaran sekolah agama atau kelas agama bagi OKU. Kebanyakan program dakwah dan penganjuran kelas-kelas agama dan kuliah hanya tertumpu buat golongan normal sahaja (Ab Aziz, 2006). Selain itu, terdapat kekangan polisi saiz kelas dan nisbah guru-guru agama (*asatizah*), kurangnya latihan-latihan berkala bagi para *asatizah*, dominasi peranan dakyah berbanding dakwah kepada OKU dan isu taklif atau tanggungjawab beragama dikalangan OKU; demikianlah antara faktor yang turut menyumbang kepada senario pendidikan agama dalam kalangan OKU (Adnan et al., 2017).

Justeru, USIM dan terutamanya dari pihak UMMI itu sendiri telah dan masih lagi memainkan peranannya dalam merapatkan jurang dan mengisi kelompangan ini. Tujuan dan harapan semoga ianya mampu menjadi model kepada university-universiti lain dalam menghadapi isu dan permasalahan ini sebagai peluang untuk berkhidmat untuk negara khususnya kepada kumpulan minoriti ini. Isu dan peluang ini akhirnya akan mewujudkan jalan penyelesaian sebagai sebuah solusi terbaik dan berkesan melalui solidariti dan strategi lautan biru Negara atau *National*

Blue Ocean Strategy (NBOS) dari pelbagai pihak bagi menunaikan tuntutan Fardu Kifayah terhadap golongan istimewa ini.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah medium utama untuk menjawab dan mencapai objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, pendekatan kualitataif digunakan untuk mendapatkan hasil kajian melalui kaedah analisis dokumen dan pemerhatian.

Analisis dokumen pula merujuk kepada pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan. Manakala kaedah pemerhatian secara terus ini pula melibatkan pemerhatian secara langsung terhadap penggunaan teknologi di sesebuah institusi atau program. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia (Sabitha, 2009 & Babbie, 2010).

Merujuk pada kertas kerja ini, penyelidik telah mengumpulkan data melalui kertas kajian-kajian lepas, dokumen sama ada dalam bentuk kenyataan akhbar dan lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti UMMI. Selain itu pemerhatian juga telah dijalankan sewaktu penyelidik turun kelapangan kajian bersama UMMI.

DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan hasil dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah dinyatakan:-

1.1 Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran

1.1.1. Penawaran Kursus Wajib Fakulti Iaitu Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran Dan Sunnah

Quran Braille berasal dari gabungan dua perkataan iaitu al-Quran dan Braille. Al-Quran merupakan sumber rujukan utama ajaran Islam yang lengkap terkandung di dalamnya dasar utama agama Islam iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak. Dari sudut bahasa, Quran bermaksud bacaan dan perkataan al-Quran itu berasal daripada perkataan Arab *Qira'ah* yang membawa maksud menghimpun huruf-huruf dan kata-kata, satu dengan yang lain dalam satu ucapan yang tersusun rapi (al-Zarqani, 1994). Ianya selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah:75: ayat 16-19, yang menuntut kepada umat Islam supaya membaca, menghafaz, memahami dan seterusnya mengamalkan isi kandungan Quran dalam kehidupan seharian (Norakyairee & Ab. Halim, 2011). Manakala dari sudut istilah pula, bolehlah kita simpulkan bahawa Quran adalah Kalam Allah SWT yang merupakan mukjizat diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Saidina Jibril AS,

ditulis dalam Mushaf, diriwayatkan secara Mutawatir dan dikira sebagai satu ibadah bagi mereka yang membacanya.

Manakala istilah Braille pula diambil sempena nama pengasasnya Louis Braille, seorang warga Perancis yang mengalami masalah penglihatan. Tulisan Braille ini berasaskan penggunaan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor yang dipanggil sebagai sel (*cell*) yang mempunyai enam titik dan dikenali juga sebagai kod Braille. Penggunaan kod ini mula popular sekitar abad ke sembilan belas, yang menggantikan penggunaan buku berhuruf timbul berasaskan wayar tembaga sebelumnya, yang ditekan pada kertas yang diperkenalkan oleh Valentin Haüy, pengasas National Institute for Blind Youth di Paris. Sebelum itu juga, kod penulisan rahsia yang dinamakan Sonography bermaksud sistem penulisan malam yang diasaskan oleh seorang pegawai tentera bernama Charles Barbier pada tahun 1821 telah digunakan.

Apabila digabungkan perkataan Quran dan Braille, maka istilah Quran Braille merujuk kepada Mushaf Quran cetakan tulisan timbul (Braille) yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab Gred 1 yang mewakili huruf Hijaiyyah, tanda baris dan tanda waqaf (Noornajihan & Kauthar, 2008). Penghasilan Quran Braille merupakan salah satu alternatif bagi OKU masalah penglihatan dan orang buta untuk menggunakan dan berinteraksi dengan mushaf ini. Di Malaysia, senario perkembangan Quran Braille yang dipelopori oleh Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Hal yang demikian, terbukti dengan penerbitan edisi Quran Braille (kod Hijaiyyah versi Braille Gred 1) yang bersumberkan Quran Braille terbitan Indonesia, merupakan satu-satunya Quran Braille yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Penawaran kursus Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah (QNR3013) seawal tahun 2008 menjadikan FPQS USIM satu-satunya universiti yang menawarkan kursus wajib fakulti berkaitan Quran Braille. Inisiatif penawaran kursus ini bermula dengan penyelidikan berkaitan kaedah pengajaran Quran Braille yang dilihat sebagai satu kelompangan dan bidang yang kurang dikaji oleh para penyelidik yang mengakibatkan latihan guru berkaitan kaedah pengajaran Quran berbantuan Quran Braille ini terbantut. Justeru, penawaran kursus ini sedikit sebanyak menjadi nilai tambah kepada mahasiswa bagi mendepani cabaran mengajar anak-anak istimewa bermasalah penglihatan.

1.1.2. Kursus Dakwah Tanpa Suara (KDTS)

Bahasa isyarat merupakan bahasa yang menggunakan komunikasi manual (tangan) selain daripada bunyi dan suara untuk menyampaikan maksud (Wilbur, 2013).

Komunikasi ini menggabungkan bentuk tangan, orientasi dan pergerakan tangan, lengan, badan, dan ekspresi muka untuk menyampaikan isi hati penyampai (Enns & Herman, 2014).

Individu yang menggunakan bahasa isyarat sebagai alat komunikasi adalah terdiri daripada golongan pekak. Hal ini kerana, masalah pendengaran yang dihadapi oleh mereka menyebabkan mereka tidak mampu mengeluarkan bunyi suara untuk menyebut sesuatu bahasa dan perkataan dengan baik (Loughran, 2013). Oleh itu, mereka menjadikan bahasa isyarat sebagai bahasa utama mereka untuk berkomunikasi kerana bahasa isyarat adalah komunikasi yang menggunakan simbol-simbol tanpa menggunakan suara atau dikenali sebagai '*non-verbal communication*' (Lianna, 2013). Simbol-simbol yang digunakan ini adalah daripada pergerakan tangan dan anggota badan yang lain, serta mimik muka yang memberi makna tertentu dan boleh difahami oleh kedua-dua pihak iaitu penutur dan penerima (Wilbur, 2013).

Disebabkan golongan pekak ini menggunakan bahasa isyarat sebagai komunikasi utama mereka, maka segala proses pengajaran dan pembelajaran mereka seharusnya menggunakan bahasa isyarat khususnya dalam pembelajaran agama (Mohd Huzairi, Hajaratul Bahti, Bani Hidayat, Nor Hayati Fatmi & Nabiroh, 2010). Namun, apa yang menjadi masalah kini, kebanyakan para *asatizah* dan pendakwah di Malaysia tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan golongan pekak (Siti Muhibah, 2010). Perkara ini sedikit sebanyak mengakibatkan golongan pekak ini ketinggalan jauh untuk mempelajari agama (Mohd Huzairi et al., 2010). Malahan mereka sering kelihatan seolah-olah disisihkan dari mempelajari agama hanya kerana batasan komunikasi di antara golongan pekak dan para *asatizah* serta para pendakwah. Masalah ini telah menyebabkan kebanyakan golongan pekak tidak berkemahiran dalam ilmu agama malah terdapat di antara mereka yang tidak berminat untuk mendekati agama Islam (Hamdi, 2010).

Justeru, usaha untuk berkongsi pengetahuan, kemahiran dan pengalaman kepada graduan Pengajian Islam berkaitan dakwah OKU dilihat mampu untuk menjadi nilai tambah kepada mereka. Penjenamaan Kursus Dakwah Tanpa Suara (KDTS) yang mengambil kira kandungan kursus ini dalam melahirkan *Da'ie* (pendakwah) Pekak dalam kalangan graduan mahasiswa Pengajian Islam. Penawaran KDTS selama satu semester dengan kerjasama dan tajaan sepenuhnya oleh Yayasan FAQEH mempunyai tiga tahap. KDTS Tahap I merupakan peringkat asas pendedahan terhadap dunia golongan Pekak dan latihan asas berkaitan pengajaran menghafaz Quran melalui kaedah Tahfiz Akhyar dan Penulis Wahyu. Manakala pengajaran asas membaca Quran menggunakan kod tangan dengan bantuan butang nombor dan warna iaitu Kaedah Fakhir di mana kesemuanya ini dibangunkan oleh Yayasan

FAQEH sendiri. KDTS yang ditawarkan bermula tahun 2015 ini dianjurkan oleh Kelab Sukarelawan Dakwah OKU dalam kalangan mahasiswa iaitu Sahabat FAQEH USIM. KDTS telah mencipta fenomena baharu di mana disni lahirnya kumpulan Nasyid Tanpa Suara yang pertama seumpamanya dalam kalangan mahasiswa iaitu kumpulan SaF al-Isharah yang ditubuhkan untuk mewarnai Dakwah OKU Pekak melalui seni.

1.2 Penyelidikan Dan Inovasi

1.2.1. Buku Iqra' Versi Braille Dan Smart Iqra Braille

Buku Iqra' Versi Braille ialah suatu proses transkripsi daripada dokumen Teks Buku Iqra' kepada dokumen Iqra' Braille, pemilihan Buku Iqra' (jilid 1-6) karangan K.H. As'ad Humam, Darul Fikir adalah selaras dengan tuntutan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Modul al-Quran, Pendidikan Islam (KKSAR) yang menjadikan buku ini sebagai panduan metod pengajaran Modul al-Quran di sekolah-sekolah. Manakala, proses transkripsi dijalankan dengan menggunakan perisian Duxbury Braille Translator (DBT), Kod al-Quran Braille Gred 1 dan Jawi Braille.

Buku Iqra' Braille ini telah ditambahbaik dengan menjadikannya dalam bentuk data dikenali sebagai Smart Iqra Braille dengan kerjasama kumpulan penyelidik Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang membangunkan panel eBraille Quran. Produk ini mendapat pengiktirafan pingat Emas yang dipertandingkan di Inovasi Islam pada tahun 2014 (i-Inova'14), 26th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2015) dan anugerah khas INPEX (Excellent Award Pittsburgh USA).

1.2.2. Perisian Interaktif Audio Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan (I-TALK PISKEB) Dan Sekolah Menengah (I-TALK PISMEN)

Wujud permintaan daripada pihak sekolah pendidikan khas dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam strategi pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan (Pendidikan Khas) untuk menghasilkan bahan-bahan rujukan dan bahan-bahan bantu mengajar bagi golongan cacat penglihatan. Ianya telah mendorong penyelidik untuk membangunkan perisian ini. Walaupun kini terdapat banyak buku audio dipasaran, CD-ROM, buku audio di dalam bentuk multimedia direka untuk menambah kefahaman kanak-kanak kerana transformasikan isi kandungan buku tersebut dalam bentuk animasi (Labbo, L. D., & Kuhn, M. R., 2000), namun ia masih kurang interaktif bagi penggunaan Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan (MBK MaL).

i-TALK PISKEB merupakan silibus yang diadaptasi daripada Buku Pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan bagi membantu Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan (MBK MaL). Isi kandungan buku teks tersebut telah diubahsuai

kedalam bentuk audio mengikut kesesuaian isi kandungannya, sama ada dalam bentuk dialog, nyanyian, penceritaan dan lain-lain. Walaupun perisian ini boleh digunakan oleh guru mahupun murid sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) bagi murid berkeperluan khas, bahkan ia juga sesuai dan boleh diakses oleh semua murid tipikal. Perisian ini juga telah memenangi beberapa anugerah antaranya pingat Emas dalam pertandingan Inovasi Islam pada tahun 2015 (i-Inova'15), International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2016) dan International Invention & Innovative Competition (InIIC2016).

Manakala i-TALK PISMEN pula merupakan kesinambungan dari kejayaan pembangunan perisian i-TALK PISKEB. Selain mengekalkan ciri-ciri dan fungsi-fungsi yang sama seperti perisian sebelumnya, perisian ini juga telah ditambahbaik dari sudut kaedah penyampaiannya yang perlu disesuaikan kepada skop pengguna yang terdiri dari pelajar-pelajar sekolah menengah.

1.2.3. Perisian Interaktif Asas-Asas Al-Quran Dan Ibadah Dalam Bahasa Isyarat (I-Sign QurANIS)

Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mengalami masalah pendengaran sebelum ini hanya bergantung kepada bahasa isyarat dan buku sahaja dalam sesi pembelajaran mereka. Namun hasil idea kumpulan penyelidik dan pelajar FPQS dengan beberapa fungsi tambah nilai yang mesra orang Pekak, kini mereka boleh menikmati sesi pembelajaran al-Quran dan solat dalam suasana yang lebih menyenangkan dan santai.

Objektif utama pembangunan perisian yang menelan belanja RM78,000 ini bagi memenuhi keperluan rohani golongan itu berdasarkan kemahiran, kekuatan dan perbezaan pembelajaran mereka. Selain itu bertujuan untuk melahirkan rasa bertanggungjawab untuk membantu golongan tersebut membaca dan memahami asas-asas al-Quran dengan cara semudah yang mungkin. Manakala QurANIS pula merupakan satu kurikulum yang dibangunkan oleh Fakulti Quran dan Sunnah untuk anak-anak OKU Pekak mendapatkan hak pendidikan yang sama seperti pendidikan di KAFA (Kelas al-Quran dan Fardu Ain) dan sekolah agama rakyat yang lain.

Perisian ini memaparkan dua segmen utama iaitu al-Quran dan asas-asas ibadah seperti solat dan wudhu', selain dengan sedikit penambahan info berkenaan orang Pekak dan cara-cara berinteraksi dengan mereka. Elemen-elemen yang unik dan menarik didalam perisian ini antaranya adalah transliterasi makhraj, video juru bahasa isyarat dan terjemahan al-Quran mesra orang Pekak, yang dipersembahkan secara interaktif menerusi kaedah audiovisual yang didatangkan dalam bentuk *Digital Video Disc* (DVD). i-Sign QurANIS juga telah berjaya memperolehi emas beberapa pertandingan inovasi seperti *International Invention, Innovation and*

Technology Exhibition (ITEX 2017) dan Pertandingan Rekacipta Dan Inovasi Islam USIM 2017 (I-REKA '17).

1.2.4. Koswer Bahasa Isyarat Islami Bagi Keperluan Ibadah (BII Ibadah)
Golongan Pekak dan bermasalah pendengaran wajib diberikan didikan agama sebagaimana golongan yang mendengar kerana mereka juga tergolong dalam kalangan manusia yang berakal dan wajib menerima dakwah serta mempelajari agama (Hamdi, 2010). Namun begitu, masalah komunikasi merupakan halangan utama untuk golongan istimewa ini mendapatkan hak mereka (Abdullah, 2014), selain tahap kebergantungan mereka terhadap bahasa visual iaitu bahasa isyarat lebih tinggi berbanding dengan bahasa pertuturan (Krammer, 2013). Kadar pemerolehan bahasa yang terhad membatasi mereka dalam memahami ayat-ayat di dalam bahasa-bahasa lain dan ayat yang bertahap tinggi (Syar Meeze, M., Norlidah, A., & Zawawi, 2017). Rentetan daripada usaha awal beberapa projek pembangunan bahan multimedia seperti perisian i-Sign QurANIS, video Ruqyah Syar'iyah dalam bahasa isyarat dan perisian umrah orang pekak oleh kumpulan penyelidik dan pelajar FPQS, maka perisian BII Ibadah dibangunkan.

Pembangunan BII Ibadah ini memberi fokus kepada pembinaan bahasa isyarat baru bagi istilah-istilah atau terminologi berkaitan Ibadah (Khamaruddin, S., Asiah F.N., Mohd Raus, N., Mohamed Yusoff, A., Hashim, M., & Jaafar, N., & Rasdi, M.N.A., 2018). Terminologi ini di bahagikan kepada tujuh bahagian utama didalam koswer ini iaitu Hukum Syarak, Syahadah, Toharah, Solat, Puasa, Zakat, dan Tawaf. Isi kandungannya disampaikan secara interaktif dengan mengambil kira fungsi dual mode (dengan pengawasan atau sendiri), mesra pengguna (pekak dan mendengar) dan persembahan yang menarik seperti audio sebutan istilah, video jurubahasa isyarat dan contoh atau penerangan yang disampaikan secara visual.

Koswer atau perisian ini dibangunkan dengan mengambil kira kekurangan yang dimiliki oleh golongan berkeperluan khas ini dengan cara mengupayakan deria yang ada dengan bantuan computer (computer-assisted instruction) yang bersifat interaktif, persekitaran latihan yang disesuaikan dan boleh diukur untuk kanak-kanak kurang upaya dalam pembelajaran bahasa (Huntinger P.L et al., 2006 & Luckevich D, 2008). Moga dengan usaha pembangunan BII Ibadah ini ianya mampu menyokong dan mengisi kelompangan dalam usaha menyediakan wasilah yang terbaik untuk orang pekak menuntut ilmu agama.

1.2.5. Aplikasi Android Quran Isyarat (Inovasi Persisian Quran Mesra OKU Pekak)

Quran Isyarat ini merupakan sebuah projek wakaf dibawah seliaan UMMI ini dengan kerjasama Pusat Wakaf dan Zakat USIM (PWZ), Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan yayasan FAQEH.

Perisian yang dirintis dan dinaik taraf dari perisian sebelumnya iaitu i-Sign QurANIS ini dibina menggunakan platform android (mobile application), dimana fokus sepenuhnya terhadap keseluruhan surah dalam al-Quran sahaja. Pemilihan android sebagai platform multimedia adalah yang terbaik dari segi kemudahan aksesannya (*accessible*), fleksible dimana aplikasi boleh di kemaskini dari masa ke semasa (*flexibility*) serta skop capaian pengguna yang lebih luas berbanding platform lain seperti koswer dan laman web.

Selain itu, elemen-elemen unik dan inovatif seperti transliterasi makhraj, jurubahasa isyarat dan terjemahan mesra orang Pekak masih dikekalkan bahkan akan ditambahbaik dengan panduan isyarat tangan dalam huruf hijaiyyah bagi setiap ayat-ayat al-Quran yang terpampang didalam aplikasi ini. Walaubagaimanapun, projek Wakaf Quran Isyarat ini masih di peringkat awal fasa pertama iaitu proses semakan terjemahan mesra orang Pekak dan proses rakaman jurubahasa isyarat.

Kelancaran pembangunan projek ini juga amat bergantung kepada dana wakaf yang disalurkan oleh masyarakat awam, dimana keterlibatan masyarakat awam ini diharapkan dapat membuka mata banyak pihak berkaitan, disamping meningkatkan tahap kesedaran umat Islam terhadap isu penguasaan agama dikalangan orang Pekak yang masih lemah.

1.3 Penerbitan Dan Cetakan

1.3.1. Terbitan Buku

- i. Monograf Penyelidikan USIM, Pembangunan Braille al-Quran Rasm Uthmani, Oleh : Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Abdul Qadir Usman al-Hamidy dan Noornajihan Jaafar.
- ii. Braille al-Quran: Sejarah dan Kaedah, Oleh: Muhammad Mustaqim Mohd Zarif.
- iii. Pengajaran al-Quran Braille, Oleh: Norhasnira Ibrahim et al.
- iv. Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya (OKU), Oleh: Azman Ab Rahman, Norakyairee Mohd Raus, Hussien Azeemi Abdullah Thaidi dan Mohammad Naqib Hamdan.
- v. Monograf Standard Transkripsi Penulisan Arab/Jawi Braille, Oleh: Mahyuddin Hashim, Noornajihan Jaafar, Adnan Mohamed Yusuf, Norakyairee Mohd Raus dan Mohd Nur Adzam Rasdi.

1.3.2. Jurnal

- i. Isu dan cabaran guru dalam pendidikan al-Quran pelajar bermasalah penglihatan (2010).
- ii. Faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar berkeperluan khas (penglihatan) dalam menghafaz al-Quran: kajian kes di Darul Quran, JAKIM (2011).
- iii. Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Hifz al-Quran dalam Kalangan Pelajar OKU Masalah Penglihatan (2011).
- iv. Program tilawah al-Quran di masjid bagi golongan bermasalah penglihatan: realiti dan cabaran semasa (2011).
- v. Asas kesediaan pengajaran guru berkesan dalam modul al-Quran berbantuan al-Quran Braille (2012).
- vi. Pengajaran al-Quran Braille: Penglibatan Institusi Pengajian Tinggi Islam di Malaysia (2012).
- vii. Asas Kesediaan Pengajaran Guru Berkesan Dalam Program Pendidikan Khas Masalah Berdasarkan Konsep Al-Rasul Al-Mu'allim (2012).
- viii. Wasatiyyah Nabawi Dalam Menyantuni Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) (2014).
- ix. Artikel Islam dan Sains: Kajian Saintifik Terhadap Ibadah Puasa Dalam Membina Jati Diri Insan yang Bertamadun (2014).
- x. Iqra Braille Sebagai Modul Asas Kemahiran Membaca al-Quran Braille: Isu Ketidakeragaman Antara Dua Teks (2016).

1.4 Latihan Dan Konsultasi

- 1.4.1. Khidmat Perundingan Pengajaran Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah bersama Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)
- 1.4.2. Bengkel Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran Quran dan Ibadah bagi Anak Istimewa (QurANIS) dengan kerjasama Yayasan FAQEH
- 1.4.3. Persidangan Meja Bulat Pendidikan Quran Holistik bagi OKU
- 1.4.4. Kursus Pengurusan Akademi QurANIS dengan kerjasama Yayasan FAQEH
- 1.4.5. Khidmat Perundingan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Islami dengan kerjasama NESDA dan PRISMA

1.5 Kesukarelawan Mahasiswa

Kelab sukarelawan Dakwah OKU iaitu Sahabat FAQEH Universiti Sains Islam Malaysia (SaF@USIM) dilancarkan penubuhannya pada 1 April 2015 oleh Dekan FPQS USIM, YBhg. Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff. Kelab pertama seumpamanya ini ditubuhkan dengan sokongan Yayasan FAQEH bagi memberi pendedahan pengetahuan baharu berkaitan OKU, pengalaman dan latihan serta

penganjuran program-program berbentuk dakwah OKU dan khidmat masyarakat secara berkala mahupun tahunan. Antara Program yang telah dijalankan oleh Kelab SaF@USIM adalah seperti berikut:

- 1.5.1. Forum Dakwahku untuk Siapa? (21 Mac 2015).
- 1.5.2. Anak Istimewa Anakku Tiket ke Syurga (25 Oktober 2015).
- 1.5.3. Jom Dhuha Bersama Anak Autisme (30 Mei 2015 dan 1 April 2016).
- 1.5.4. Kursus Dakwah Tanpa Suara (2015 dan 2016).
- 1.5.5. OKU Berdoa: Bicara Tanpa Hijab (5 Disember 2015).
- 1.5.6. OKU Berdoa 2.0 (10 Disember 2016).
- 1.5.7. Majlis Makan Malam Amal & OKU Berselawat (14 Mei 2016).

1.6 Khidmat Masyarakat

- 1.6.1. Program Simposium Khidmat Ummah (Dakwah OKU) Dan Hari Menyantuni OKU

Melihat kepada isu dan cabaran golongan OKU khususnya aksesabiliti golongan istimewa ini terhadap konsep indahny hidup beragama, Mahasiswa FPQS USIM mengambil inisiatif untuk menyantuni golongan minoriti ini dengan penganjuran program unik iaitu Hari Menyantuni OKU dan Simposium Khidmat Ummah (Dakwah OKU).

Program-program ini adalah merupakan kesinambungan daripada kursus Wajib Fakulti iaitu Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah (QNR3013) yang menekankan elemen khidmat masyarakat di mana setiap tutorial diberi amanah untuk menganjurkan program-program libatsama masyarakat, khidmat keukarelawan dan sumbangan kepakaran mahasiswa FPQS dalam membantu sistem penyampaian agama Islam yang mesra OKU. Aktiviti ini selaras dengan konsep dakwah yang bermula dengan menyemai konsep nilai dan kefahaman (*value oriented*) khususnya melalui simposium, ceramah kesedaran dan sebagainya. Kemudian diikuti dengan keterlibatan komuniti setepat sebagai agen penggerak (*people centred*) dan dalam konteks memasyarakatkan mahasiswa, program ini mampu melatih bakal graduan USIM cakna ummah dan kewujudan mereka ini dirasai oleh komuniti setempat (Norakyairee Mohd Raus 2016).

Program berbentuk *indoor* dan *outdoor* ini mensasarkan penglibatan peserta program dalam beberapa aktiviti ounik seperti Zon Pameran Khas QNR3013 di USIM. Zon Aktiviti Permainan Mesra OKU dan Zon Pameran daripada NGO OKU seperti Yayasan Faqeh, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA), Pertubuan Pendidikan Islam Kanak-Kanak Kelainan Upaya Malaysia (PI3K UM), Persatuan Orang Cacat Penglihatan (PERTIS), Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA), Persatuan OKU Anggota Melayu Malaysia (POK UAMM)

dan KL Braille Resources. Manakala Simposium Khidmat Ummah (Dakwah OKU) menampilkan barisan panel forum yang terdiri daripada OKU.

Selain daripada program ini, terdapat juga program khidmat masyarakat yang di anjurkan oleh mahasiswa FPQS seperti Lawatan Khidmat Ummah (Dakwah OKU) ke Sekolah-sekolah Pendidikan Khas di Terengganu dan Johor, pembangunan Buku Audio sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) kepada OKU penglihatan dan lain-lain program yang bertemakan kesedaran dan kesukarelawan dalam mendekati golongan minoriti ini.

1.6.2. Lawatan Khidmat Ummah (Dakwah OKU)

- i. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Pendengaran) Tun Aminah Johor Bahru
- ii. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Penglihatan) Princess Elizabeth Johor Bahru
- iii. Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura Johor Bahru
- iv. MIJ Education Hub, Singapura
- v. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Penglihatan) Alma Pulau Pinang
- vi. Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Chendering, Kuala Terengganu
- vii. Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Cawangan Terengganu

1.7 Memorandum Persefahaman (MOU)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menahuti cabaran dalam membantu dan membangunkan pendidikan al-Quran dan Sunnah dalam kalangan orang kelainan upaya (OKU) dengan memeterai Memorandum Persefahaman bersama tiga NGO iaitu Yayasan FAQEH, Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA), dan Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA).

UMMI juga turut meluaskan jaringan kerjasama dan persefahaman ke peringkat antarabangsa apabila pada 2 Oktober 2018 yang lalu, telah termeterainya memorendum persefahaman antara pihak USIM dengan Hayrat Vakfi (Yayasan Hayrat) di Istanbul, Turki. Memorendum ini membawa bersama dengannya kajian mengenai Model Sosial untuk Orang Kurang Upaya (OKU) dari Perspektif Risalah an-Nur, karya ulama' dan tokoh terkenal Turki, Bediuzzaman Said Nursi.

Melalui kerjasama ini, jaringan kerjasama akademik dan kemasyarakatan akan giat dijalankan seiring dengan USIM sebagai universiti pertama dalam menawarkan kursus wajib fakulti iaitu Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran Sunnah.

Justeru, bidang OKU ini turut menjadi *niche* atau *Special Interest Group (SIG)* di Fakulti Pengajian Quran Sunnah (FPQS) USIM di mana penyelidikan dan inovasi dibangunkan bukan sahaja memenuhi tuntutan dan kelompongan pengajian Islam bagi OKU Penglihatan, bahkan kalangan OKU Pendengaran turut dikaji.

CADANGAN DAN SARANAN

Berdasarkan resolusi persidangan meja bulat bertemakan pendidikan Quran holistik bagi OKU tahun 2016, beberapa saranan di bawah perlu diambil tindakan bagi mengembalikan kedudukan OKU dan disantuni bukan hanya dari segi aspek fizikal dan kebajikannya bahkan juga dari aspek spiritualnya yang seolah terlepas pandang oleh pelbagai pihak. Resolusi ini telah dibacakan kandungannya oleh Ybhg. Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff, Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM:-

1. Penawaran Pendidikan Quran bagi OKU perlu difahami ideanya berasaskan falsafah penurunan Quran yang holistik sesuai dengan sifatnya sebagai panduan khususnya dari aspek penawar (al-Syifa') dan rahmat ke seluruh alam;
2. Konsep Pendidikan Quran holistik bagi OKU perlu meraikan emosi, perbezaan, kekuatan dan kelainan keupayaan OKU. Hal ini mampu dicapai dengan penambahbaikan terhadap strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran di samping menfokuskan kebolehan, bakat dan kesungguhan OKU untuk belajar;
3. Berdasarkan dalil daripada Quran dan Sunnah menunjukkan bahawa Islam tidak pernah mengenyepikan naluri dan hak OKU beragama bahkan keperluan sistem sokongan dari pelbagai pihak mampu menjayakan usaha mendekatkan OKU dengan agama;
4. Keperluan mendesak terhadap penawaran program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Khas bagi OKU sebagaimana program KAFA ditawarkan kepada murid tipikal. Penawaran ini boleh dirujuk kepada kurikulum QurANIS (Inovasi Pendidikan al-Quran dan Ibadah bagi Anak Istimewa) yang dibangunkan oleh Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH). Pembangunan QurANIS turut melibatkan pakar dari Pusat Penyelidikan al-Quran (CQR). Universiti Malaya dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta memperoleh pengiktirafan sebagai Finalis Anugerah Inovasi Negara (AIN2014) kategori perkhidmatan;
5. Pembangunan kurikulum agama khas bagi OKU disarankan agar melakukan eksplorasi terhadap teori dan model berasaskan Quran dan Sunnah dan berkonsepkan pelan usaha (*effort oriented*) melalui Rancangan Pendidikan Individu (RPI);

6. Merealisiakan akta dan peraturan pendidikan sama ada di peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa yang memberi ruang dan peluang kepada OKU untuk mendapat hak pendidikan (*Education for All*). Tuntutan ini turut memberi kesan terhadap amalan beragama dalam kalangan OKU khususnya dalam kategori Pembelajaran. Pendekatan Islam sebagai agama fitrah menganjurkan konsep *al-Takrim*, iaitu kemuliaan kedudukan insan (*Karamah Insaniyyah*) sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Isra':17: 70. Dalam konteks ini, OKU perlu diberi ruang dan peluang menerima agama sebelum diukur kemampuan mereka melaksanakannya. Perkara ini selaras dengan kaedah Usul Fiqh melalui pemahaman konsep *al-Taklif* (Kewajipan individu memenuhi tuntutan agama) sama ada memiliki ciri-ciri hak menerima agama (*Ahliyyah al-Wujub*) atau memiliki ciri-ciri hak melaksanakan tuntutan beragama (*Ahliyyah al-'Ada'*). Usaha ini secara tidak langsung menepis persepsi sebahagian masyarakat bahawa OKU tidak perlu dididik beragama kerana mereka tidak *Taklif* secara total;
7. Pemerksaan terhadap konsep OKU melalui persepsi positif dengan merujuk kepada konsep berkeperluan khas sebagaimana dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan selaras penggunaannya dalam istilah Bahasa Arab iaitu, *Zawi al-Ihtiyajat al-Khassah* (Berkeperluan Khas). Dalam konteks pendidikan, konsep ini secara tidak langsung memberi isyarat bahawa golongan OKU ini bukan tidak berupaya untuk belajar, tetapi mereka berupaya belajar dengan meraikan kekuatan dan kelainan cara belajar (*Difference Not Less*);
8. Membangunkan modul intervensi awal berasaskan Terapi Quran dengan menjadikan bacaan *Ruqyah Syariyyah*, Hafazan dan Tilawah al-Quran, Wudhu dan Solat sebagai rutin harian yang merupakan asas kepada Terapi Pertuturan dan Carakerja menurut perspektif Islam;
9. Mempertingkatkan program-program out-reach (sebarluas) bagi menyampaikan informasi dan kempen kesedaran melalui pelbagai aktiviti terutamanya program-program berasaskan masjid sebagai *one stop centre* dengan mewujudkan peruntukan bagi melatih sukarelawan di Masjid dalam kalangan belia dan sukarelawan dalam kalangan mahasiswa di IPT sebagaimana ditawarkan di USIM melalui kelab sukarelawan Dakwah OKU, Sahabat FAQEH USIM (SaF@USIM) dengan kerjasama Yayasan FAQEH;
10. Memperkasa kerjasama KPM, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), JAKIM, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan NGO OKU dalam mewujudkan program KAFA Khas bagi OKU sama ada dari sudut polisi, peruntukan dana, pembangunan guru dan kurikulum, gaji dan latihan berstruktur sebagaimana wujudnya peruntukan program KAFA bagi golongan tipikal;

11. Pembangunan guru agama (Pendidikan Khas) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta pemeraksanaan profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI) sedia ada di bawah KPM melalui latihan dan kursus yang berstruktur dan bersesuaian dengan kategori murid berkeperluan khas; dan
12. Kerjasama antara KPM, JKM dan Lembaga Zakat atau Baitulmal Negeri dalam menyalurkan peruntukan dana bagi menyediakan fasiliti dan bahan bantu mengajar (BBM) mesra OKU sebagaimana peruntukan yang dibiayai oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) untuk pembelian panel elektronik (eBraille Quran) yang dibangunkan oleh penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan USIM.

PENUTUP

Keterlibatan warga universiti dalam merealisasikan konsep memasyarakatkan universiti merupakan salah satu elemen ‘barakah’ khususnya dalam memberi ruang dan peluang OKU merasai indahnya hidup beragama. USIM dengan kerjasama UMMI diamanahkan sebagai wadah pembangunan modal insan dan generasi Muslim profesional terkadang khilaf dan terlupa bahawa Allah SWT menghantar golongan OKU ini untuk pelbagai sebab. Apa yang pasti, kewujudan kumpulan minoriti ini bukanlah *defect product* (produk rosak) yang Allah ciptakan kerana ia bertentangan dengan pengiktirafan Allah SWT terhadap kemuliaan kedudukan anak-anak Adam AS melalui Surah al-Isra’, ayat 70:

﴿وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا﴾
٧٠

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan”.

(QS. Al-Isra’: 70)

Begitu juga keimanan kita terhadap penciptaan manusia dengan sebaik-baik kejadian melalui Surah al-Tin, ayat 4:

﴿لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

(QS. Al-Tin: 4)

RUJUKAN

- Abdullah, Y. (2014). *Memahami komunikasi orang pekak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zarqani, M.A.A. (1994). *Manahil al-`irfan fi ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Awang, M.H., Zakaria, H.B., Mohd Shafie, B.H., Talib, N.H.F., & Kassim, N. (2010). Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardhu ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on teacher Education: Join Conference UPI & UPSI*. 240 – 250.
- Babbie E. (2010). *The practice of social research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Enns, C. J. & Herman, R. C. (2014). Adapting the assessing British sign language development: Receptive skills test into American sign language. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*. 16 (3). 362 – 374.
- Hutinger, P. L., Bell, C., Daytner, G., & Johanson, J. (2006). Establishing and maintaining an early childhood emergent literacy technology curriculum. *Journal of Special Education Technology*, 21(4), 39–54. <https://doi.org/10.1177/016264340602100405>.
- Ishak, H. (2010). *Pekak dan bisu menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jaafar, N. & Abdul Kader, K. (2008). Pengajaran braille al-Quran di Malaysia. *Seminar Warisan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jaafar, N. (2016). Faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar berkeperluan khas (penglihatan) dalam menghafaz al-Quran: Kajian di Darul Quran, JAKIM. *Ma`ālim Al-Qur`ān Wa Al-Sunnah*, 11(12). Retrieved from <http://jmq.s.usim.edu.my/index.php/jmq/article/view/77>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). *Definisi OKU*. Retrived from <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHha cVN4aHNPbUIPayt2QT09>.
- John, D. (1910). Part One, “*The problem of training thought, spelling and grammar modestly modernized*”. Boston: D.C. Heath & Co. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/81b9/6d8e48beb93ca89e00cda44e4aee3203a7e2.pdf>.
- Khamaruddin, S.R., Muhammad, N.A.F., Mohd Raus, N., Mohamed Yusoff, A., Hashim, M., Jaafar, N. & Rasdi, M.N.A. (2018). Analisis keperluan pembangunan bahasa isyarat Malaysia bagi terminologi ibadah. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 4, (June).
- Krammer, K. (2013, Disember). The benefits of sign language for deaf children with and without conclear implant (s). *European Scientific Journal*, 4, 344.

- Labbo, L.D., & Kuhn, M. R. (2000). Weaving chains of affect and cognition: A young child's understanding of CD-ROM talking books. *Journal of Literacy Research*, 32(2), 187-210.
- Lianna, P. (2013). *Vocabulary instruction for the development of American sign language in deaf children: An investigation into teacher knowledge and practice*. (Tesis Doktor Falsafah). Jabatan Pendidikan Khas dan pembangunan kurikulum. Amerika Syarikat: Kolej Boston.
- Loughran, S. (2013). Cultural identity, deafness and sign language: A postcolonial approach. *LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research*. Claremont Graduate University. 2(1), 1-8.
- Marican, S. (2005). Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Mohamed Yusoff, A., Mohd Raus, N., Zainan Nazri, M.K.N., Rasdi, M.N.A., Mohamad, R.A. & Mohd Amin, M.F. (2014, November 26-27). *Wasatiyyah Nabawi dalam menyantuni golongan orang kurang upaya (OKU)*. Kertas Kerja Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2014) Peringkat Antarabangsa. Anjuran Institut Wasatiyyah Malaysia & Fakulti Pengajian Quran Sunnah USIM, Nilai.
- Mohamed, A.K., Mohd Zarif, M.M., Mohamad, K.A. & Yusoff, M.A. (2008). *Metod pengajaran braille al-Quran*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Majzub, R. (2002). Identiti guru: Isu, cabaran dan hala tuju. *Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan*. Bangi: UKM.
- Mohd Raus, N & Suryani, D. (2017). Khidmat Quran dan Sunnah bagi OKU: Pengalaman USIM. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 1(1). Retrieved from <http://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/4>.
- Mohd Raus, N. & Tamuri, A.H. (2011, April 23-25). *Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa*. Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa IAIN ar-Raniry, Banda Aceh, Aceh.
- Mohd Zin, A.A et al. (2006). *Dakwah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad, A. (1994). *Tafsir Ibnu Katsir jilid 1*. Kaherah: Mu-assasah Daar al-Hilaal Kairo.
- Nor, S.M. (2010). Kesukaran pemahaman murid – murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. *Prosedings First Annual Inclusive Education Practices Conference*. 122 – 130.
- Quran 17:70. Retrieved from <http://www.surah.my/17>.
- Quran 54:17, 22, 32 & 40. Retrieved from <http://www.surah.my/54>.
- Quran 6:125. Retrieved from <http://www.surah.my/6>.
- Quran 95:4. Retrieved from <http://www.surah.my/95>.

- Resolusi Persidangan Meja Bulat Pendidikan Quran Holistik bagi OKU. (2016, Disember 20). Nilai. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Syar Meeze, M., Norlidah, A., & Zawawi, I. (2017). Isu dan cabaran dalam penggunaan bahasa isyarat Malaysia (BIM) untuk pengajaran Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA). *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*.
- Tamuri, A.H., & Nik Yusoff, N.M.A. (2010). Isu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. in Yusoff, A. H. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam* (pp. 19-37). Bangi: Penerbit UKM.
- Wilbur, R.B. (2013). Changing how we think about sign language, gesture and agreement. *Sign Language and Linguistic*. 16(2), 221 -258.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y. & Hamdan, A.R. (2010). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis dan interpretasi data* (4 ed.). Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya, Z. (2008, November 15). *Perkembangan dan isu terkini dalam penulisan al-Quran braille: Satu tinjauan umum*. Seminar Perkembangan dan Isu Terkini Dalam Penulisan al-Quran Braille. Kuala Lumpur: PERTIS.